



22070187

MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Monday 14 May 2007 (morning)
Lundi 14 mai 2007 (matin)
Lunes 14 de mayo de 2007 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

“Buka pintu segera. Kami pegawai pencegah maksiat!” tiba-tiba meletus keluar suara seperti itu di luar. Riffin dan Munah hampir-hampir hendak pengsan bila telinganya mendengarkan perkataan ‘Pencegah Maksiat’ itu beberapa kali. Perkataan itu benar-benar telah merombak ketenangan hatinya. Barulah dia sedar bahawa mereka telah terkepung. Mereka sedang di
5 ambang bahaya. Mereka akan ditangkap basah. Bila ini dikenangkan oleh Munah dan Riffin barulah dia sedar. Rupa-rupanya perbuatan mereka duduk berdua-duaan di dalam bilik secara itu adalah salah dan boleh ditangkap.

Baru Riffin teringat bahawa di pekan itu sekarang ini sedang heboh orang membicarakan tentang ‘Gerakan Basuh’ yang dilancarkan oleh Pejabat Ugama dan juga pihak polis untuk
10 membasmi perbuatan-perbuatan maksiat dalam pekan itu dan juga di seluruh negeri. Dan kali ini dia sendiri bersama-sama Munah akan terjermus ke dalam ‘Gerakan Basuh’ yang sedang dilancarkan sekarang.

Di sini barulah semuanya ingat kepada dirinya sendiri, ingat kepada ibubapa dan juga ingat kepada nama baik masing-masing.

15 “Jangan buka bang ... jangan ...” kata Munah sambil menutup kedua-dua belah matanya. Dia takut. Dia tidak mahu ditangkap di tempat itu. Bayang-bayang bapanya Haji Razak yang menjadi imam di kampung kelihatan terbayang di ruang matanya. Dia takut melihat bayang-bayang bapanya itu. Dia malu. Apa akan jadi kalau dia ditangkap pada malam itu?

“Kita lari bang ... kita lari!”

20 “Macam mana nak lari?”

“Mari, buka tingkap ini. Kita terjun. Dua-dua kita terjun bang,” ajak Munah sambil dia berundur ke belakang beberapa langkah untuk segera membuka tingkap. Bila terbuka saja tingkap itu, Munah segera memandang ke bawah. Hatinya terkejut kerana apa yang dilihatnya di bawah ialah tompok-tompok manusia. Ha! Manusia bersusun-susun di bawah bangunan
25 hotel itu. Barangkali semua orang itu akan mengambil peluang untuk menyaksikan suatu lakonan drama masyarakat pada malam itu.

Munah dan Riffin berpandangan. Tidak tahu apa yang hendak dibuatnya. Pintu itu pun makin kuat diketuk. Dan tiba-tiba lampu bilik itu pun terang benderang, barangkali dibuka oleh Cina hotel itu dari luar. Sebab swisnya ada juga lagi satu di luar bilik itu.

30 “Mari kita bunuh diri ... mari bang!”

“Tidak. Tidak. Jangan. Jangan Munah,” kata Riffin sambil memegang Munah. Tetapi Munah meronta, terlepas dari pegangan Riffin. Dan Munah segera berlari menuju tingkap yang menghala ke jalan kecil di belakang hotel itu. Dia mahu terjun saja dari tingkat kedua bangunan itu. Hatinya sudah nekat. Dia mahu menerima apa yang terjadi kemudian daripada itu. Daripada dia
35 kena tangkap kerana berkhawat semacam itu, lebih baik dia membunuh diri, fikir Munah.

Alias Harun, *Meniti Buih* (1974)

- Bincangkan keberkesanan pengarang menggunakan persoalan moral dalam menggerakkan cerita ini.
- Apa pendapat anda tentang cara pengarang menampilkan watak Munah?
- Sejauhmanakah latar tempat dan latar sosial dalam petikan ini menyumbang kepada kefahaman anda terhadap konflik yang dihadapi oleh Munah dan Riffin?
- Bagaimanakah gaya bahasa dan teknik penceritaan pengarang memberi kesan kepada apresiasi anda?

1. (b)

Sesekali Dalam Sajak

Hidup di dunia tanpa sempadan;
sesekali berkeras lebih baik
daripada lembut hidung dicucuk.
Sesekali menentang lebih baik
5 daripada tunduk sampai terhantuk.
Sesekali celupar lebih baik
daripada sopan dihina dikutuk.
Sesekali kurang ajar lebih baik
daripada memuji belakang mengutuk.
10 Sesekali menjatuhkan lebih baik
daripada diselamatkan sesudah buruk.
Sesekali berpisah lebih baik
daripada sesuatu meninggal parut.
Sesekali berjauhan lebih baik
15 daripada berdekatan berbau busuk.

Demikian realiti kehidupan duniawi,
berkeras mahupun berlembut
menentang mahupun tunduk
memuji mahupun mengutuk
20 baik mahupun buruk,
tiada siapa mutlak bebas
melainkan hidup bersempadani syariat.

Tiada siapa terkecuali daripada
wajib haram makruh harus sunat
25 memantau setiap laluan hayat.

Nawawee Mohammad, *Utusan Zaman* (2001)

- Apakah tafsiran anda tentang persoalan-persoalan yang disampaikan dalam sajak ini?
- Bincangkan keberkesanan penyair dalam pemilihan kata dan imejan.
- Apakah yang dicapai oleh penyair dengan menggunakan ulangan dan perbandingan?
- Apakah pendapat anda tentang sikap penyair melalui puisi ini?